



17 OCT, 2022

YIM sasar STIE di setiap negeri tahun depan



Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

YIM sasar STIE di setiap negeri tahun depan

BERA: Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), agensi di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyasarkan setiap negeri memiliki sekurang-kurangnya sebuah Ruang Reka Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) pada tahun depan.

Ketua Pegawai Eksekutif YIM Dr Sharmila Mohamed Salleh berkata, sehingga kini pihaknya telah membangunkan tujuh Ruang Reka STIE antaranya di Tumpat, Kelantan; Kuala Terengganu, Terengganu termasuk yang baru dirasmikan di sini kelmarin.

Katanya antara lokasi seterusnya yang akan dibangunkan Ruang Reka tersebut antaranya di Sabah, Sarawak dan Perak.

“Kebanyakannya kita bangunkan Ruang Reka ini di tempat kurang akses, terutama di lokasi ramai pelajar yang sukakan teknologi dan inovasi tetapi tiada peluang untuk ke tempat seumpama itu, jadi kita bawa kepada mereka supaya tidak ketinggalan.

Bila semua pelajar dah belajar berkenaan robotik dan sebagainya di Ruang Reka mereka akan nampak hala tuju karier ke arah mana kerjaya yang mereka ambil kelak, ia juga merupakan platform mencungkil bakat secara santai,” katanya kepada Bernama.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Ruang Reka STIE Keluarga Malaysia Bera di Balai Raya Felda Bukit Puchong di sini kelmarin, yang disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Sharmila juga berkata Ruang Reka STIE tidak hanya tertumpu kepada golongan muda atau pelajar, dengan individu yang berminat boleh menghubungi pengurus program di lokasi masing-masing.

“Kita akan melantik pengurus untuk menyelaras aktiviti di Ruang Reka, jadi masyarakat setempat akan tahu. Seperti di Bera, kita kerjasama dengan pengurus FELDA selain universiti berkaitan,” katanya. — Bernama



17 OCT, 2022

YIM sasar STIE di setiap negeri tahun depan



Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

BERA: Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), agensi di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyasarkan setiap negeri memiliki sekurang-kurangnya sebuah Ruang Reka Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) pada tahun depan. Ketua Pegawai Eksekutif YIM Dr Sharmila Mohamed Salleh berkata, sehingga kini pihaknya telah membangunkan tujuh Ruang Reka STIE antaranya di Tumpat, Kelantan; Kuala Terengganu, Terengganu termasuk yang baru dirasmikan di sini kelmarin.